

**LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
MALAYSIAN PALM OIL BOARD (MPOB)**

NOTIS AM

**PEMBERITAHUAN MENGENAI MPOB CENSUS ON GANODERMA DISEASE AND
CONTROL ON OIL PALM IN MALAYSIA**
*(BANCIAN MPOB MENGENAI PENYAKIT GANODERMA DAN KAWALAN PADA TANAMAN
KELAPA SAWIT DI MALAYSIA)*

Semua Pemegang Lesen Kategori Estet (ET) Yang Dihormati,

Dimaklumkan MPOB sedang menjalankan bancian mengenai penyakit Ganoderma dan kawalan pada tanaman kelapa sawit di Malaysia. Sehubungan itu kerjasama pihak tuan untuk mengemukakan maklumat bancian bagi **MPOB CENSUS ON GANODERMA DISEASE AND CONTROL ON OIL PALM IN MALAYSIA** (*BANCIAN MPOB MENGENAI PENYAKIT GANODERMA DAN KAWALAN PADA TANAMAN KELAPA SAWIT DI MALAYSIA*) kepada MPOB.

Pihak tuan dikehendaki untuk mengisi dan mengemukakan borang bancian ini kepada Ketua Pengarah MPOB di alamat sepertimana tertera di mukasurat 12 dalam borang tersebut dalam tempoh 14 hari daripada tarikh notis ini. Bersama-sama ini dilampirkan borang **MPOB CENSUS ON GANODERMA DISEASE AND CONTROL ON OIL PALM IN MALAYSIA [MPOB (EL) ET 5B]** untuk tindakan tuan selanjutnya.

SILA AMBIL PERHATIAN bahawa MPOB memberi **PERINGATAN** kepada mana-mana pemegang lesen kategori estet yang masih gagal untuk mengemukakan borang bancian tersebut boleh dikenakan tindakan penguatkuasaan dibawah Peraturan 21(2) Peraturan-Peraturan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Pelesenan) 2005 dalam tempoh 30 hari dari tarikh pemberitahuan ini.

Kerjasama dan perhatian serius pihak tuan mengenai perkara di atas amat dihargai bagi mengelakkan tindakan undang-undang diambil atas kegagalan pihak tuan untuk mengemukakan borang bancian tersebut kepada Lembaga.

Sekian, terima kasih

LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA
01 FEBRUARI 2018